

Tembelang pengasuh pecah selepas doktor curiga dengan kecederaan kanak-kanak itu

Bayi lelaki 5 bulan koma didera

Kosmo
22/12/16
m/s 8

Oleh MULLER ASEN

KUCHING – Tembelang seorang pengasuh yang mendera seorang bayi lelaki berusia lima bulan yang juga anak buahnya sendiri terbongkar apabila seorang doktor yang curiga dengan kecederaan pada bayi itu bertindak melaporkan kes berkenaan kepada pihak polis.

Susulan itu, Ketua Polis Daerah Padawan, Superintendan Aidil

Bolhassan berkata, suspek wanita yang berusia 57 tahun itu telah ditahan di sebuah rumah di Matang Jaya Fasa II, Jalan Matang di sini pada pukul 1.45 pagi semalam.

Suspek telah ditahan reman mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001. Jika sabit

kesalahan, boleh didenda tidak lebih RM20,000 atau penjara



SUSPEK

Rawatan Rapi, Hospital Umum Sarawak (HUS) di sini, pukul 11

tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Menceritakan semula kejadian yang menyayat hati itu, Aidil berkata, ibu bapa bayi berkenaan pada awalnya telah membawa anaknya yang tiba-tiba tidak sedarkan diri ke Unit

pagi kelmarin.

Ujarnya, bayi itu baru dua bulan dihantar ke pusat asuhan berkenaan.

Sepanjang menghantar bayinya ke sana, bapa mangsa tidak menaruh sebarang prasangka kerana suspek merupakan sepunya.

Ujarnya, berdasarkan peman-tauan doktor, bayi malang tersebut telah didera secara ganas apabila otaknya cedera selain

mengalami pendarahan pada mata.

“Perbuatan (ganas) suspek itu menyebabkan kanak-kanak itu koma dan terpaksa bergantung kepada bantuan alat pernafasan,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Hasil siasatan pihak polis seterusnya mendapati, pemilik pusat asuhan terbabit tidak mengetahui perbuatan jahat pekerjanya itu.